

Aliran Madrasah Tilawah: Kajian Terhadap Tokoh-tokoh Qari Mesir Melalui Bacaan Tarannum

BITARAVolume 1, Issue 4, 2018: 040-049
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Schools of Quranic Readings: Studies of Egyptian Qari (Reciter) Characters through Tarannum Technique (Beautifying One's Voice) Readings]

Wan Hilmi Wan Abdullah¹, Hamdi Ishak¹, Sabri Mohamad¹ & Ahamad Asmadi Sakat¹

Abstrak

Artikel ini akan menghurai aliran *madrasah tilawah* bacaan tarannum oleh qari-qari Mesir. Secara umum, tilawah al-Quran bertarannum di Mesir mempunyai pelbagai aliran *madrasah tilawah* yang diikuti oleh para qari di seluruh dunia termasuk Malaysia. Terdapat beberapa aliran *madrasah tilawah* yang terkenal di Mesir dalam bidang tarannum al-Quran seperti *madrasah Mustafawiyah*, *madrasah Husariyyah*, *madrasah Hassoniyyah*, *madrasah Ghalwashiyah*, *madrasah Rif'at*, *madrasah Abdul Basit* dan lain-lain. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti kewujudan aliran-aliran *madrasah tilawah* tersebut yang menjadi pelopor utama terhadap kaedah pembacaan tarannum oleh para qari. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang memperoleh data daripada sumber dan bahan dokumen, manakala analisis data dilakukan melalui kaedah deskriptif. Hasil kajian merekodkan bahawa terdapat banyak aliran *madrasah tilawah* melalui pendekatan bacaan tarannum di Mesir yang diasaskan oleh tokoh-tokoh qari seperti Syeikh Mustafa Isma'il, Syeikh Mahmud Khalil al-Husari, Syeikh Muhammad Rif'at dan lain-lain. Aliran-aliran *madrasah tilawah* ini mempunyai pengikut yang tersendiri dari kalangan para qari bagi membentuk satu model tilawah yang diguna pakai dalam persembahan dan penyampaian bacaan secara tarannum.

Kata Kunci

Aliran, Madrasah, tilawah, tarannum

Abstract

This article will break down the streams of the madrasah by reading the genealogy of the Egyptian qaris (reciters). In general, the Quranic readings tarannum (beautifying one's voice) technique in Egypt has numerous streams of madrasah accompanied by qaris all over the world, including Malaysia. There are a number of well-known mosques in Egypt in the fields of Quranic literature, such as Mustafawiyah, Husariyyah, Hassoniyyah, Ghalwashiyah, Rif'at, Abdul Basit and others. The purpose of this study is to recognize the presence of these Quranic reading madrasah sources, which are the key precursors of the qari binary reading methodology. This research is qualitative research that extracts data from sources and records, while the analysis of data is carried out using descriptive methods. The results show that there are several sources of Quranic readings through the tarannum approach in Egypt created by qaris leaders such as Sheik Mustafa Isma'il, Sheik Mahmoud Khalil al-Husari, Sheik Muhammad Rif'at and others. Such sources of madrasahs have their followers among the qari to form a pattern of submission used in the presentation and delivery of reading aloud.

Keywords: Shcool, Madrasah, recitation, tarannum

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Wan Hilmi Wan Abdullah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: hjmiey@ukm.edu.my

Cite This Article:

Wan Hilmi Wan Abdullah, Hamdi Ishak, Sabri Mohamad & Ahamad Asmadi Sakat. 2018. Aliran madrasah tilawah: Kajian terhadap tokoh-tokoh qari Mesir melalui bacaan tarannum. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(4): 40-49.

Pengenalan dan Sejarah Hidup Para Qari

Artikel ini akan menghuraikan tentang sejarah hidup para qari yang menjadi topik utama dalam perbincangan mengenai latar belakang mereka.

Shaykh Mustafa Isma'il

Beliau ialah Mustafa Muhammad Mursi Ibrahim Isma'il, lahir pada 17 Jun 1905 di sebuah desa yang terkenal dengan *Mayt Ghazal Markaz al-Santah*, Muhafazah Gharbiyyah, Tanta, 300 kilometer dari Bandar Kaherah, Mesir (al-Najmi 1992). Mendapat pendidikan awal pada usia enam tahun apabila dihantar ke sebuah *kuttab* (madrasah) yang terletak di kampung halaman yang dipimpin oleh Shaykh 'Abd al-Rahman 'Abu al-'Aynin. Di *kuttab* itu, beliau sempat belajar selama dua tahun dengan mempelajari kaedah cara membaca, menulis dan menghafaz $\frac{1}{4}$ juzuk al-Quran. Kemudian beliau menyambung pelajaran ke *kuttab* Shaykh 'Abdullah Syahatah di mana *kuttab* tersebut terletak berhampiran dengan kediamannya. Di *kuttab* tersebut, beliau telah selesai menghafal keseluruhan al-Quran, menulis tulisan al-Quran dan bacaan al-Quran (al-Najmi 1992).

Bapanya telah menghantar beliau untuk menuntut ilmu dengan dua orang shaykh terkenal serta dihormati di kampungnya iaitu Shaykh Muhammad Abu Hashish dan Shaykh Idris Fakhir. Bersama keduanya, beliau mempelajari ilmu al-*Tajwid* dan ilmu al-*Qira'at* serta mengulang al-Quran. Shaykh Idris Fakhir adalah seorang guru yang bertanggungjawab untuk menyemak bacaan Shaykh Mustafa Isma'il. Beliau mempelajari ilmu al-*Tajwid* dan ilmu al-*Qira'at* melalui Shaykh Idris Fakhir pada usia mencapai enam belas tahun. Kemudian setelah itu beliau meneruskan pengajian ke Maahad Diniyyah Tanta. Beliau menamatkan murajaah al-Quran bersama Shaykh Idris Fakhir sebanyak 30 kali khatam (al-Qadi 1997). Shaykh Mustafa Isma'il meninggal dunia pada tanggal 23 Disember 1978 sekembali dari majlis pembukaan perasmian *Jami' al-Bahr* pada tarikh 22 disember 1978 setelah beliau mengalami penyakit pendarahan beku dalam kepala dan terus koma selama satu hari (al-Najmi 1992).

Shaykh Mahmud Khalil al-Husari

Beliau ialah Mahmud Khalil al-Husari, lahir di Qaryah Shubra al-Namlah pada 27 September 1917M. Mendapat pendidikan seawal usia lima tahun di sebuah *kuttab* di kampungnya. Setelah meningkat dewasa serta berbekalkan modal hafalan al-Quran dan ilmu-ilmu agama yang secukupnya, beliau dihantar ke Masjid Sayyidi Ahmad al-Badawi, Tanta. Di situ, terdapat perpustakaan di mana mengandungi banyak himpunan khazanah dan sumber-sumber ilmu qiraat. Beliau berjaya menamatkan hafalan al-Quran di masjid tersebut dan kemudian sambung pengajian dalam bidang qiraat hingga tamat bacaan qiraat sepuluh (al-Qadi 1997).

Shaykh Mahmud dilantik sebagai qari rasmi di *Iza'ah al-Quran* oleh *Lujnah Ikhtibar al-Qurra' al-Judad bi al-Iza'ah*. Bersamanya, terdapat dua qari lagi yang turut sama dilantik iaitu Shaykh Ahmad Abu al-Mu'ati dan Shaykh Muhammad Darbalah. Beliau telah merekodkan rakaman al-Quran iaitu pada pertama kali di *Iza'ah* pada 27 September 1944, mengambil masa selama 5 minit. Beliau juga merupakan seorang *qari al-Surah* di Masjid Sayyidina al-Husayn yang menggantikan Shaykh Muhammad al-Siffi setelah meninggal dunia. Di samping itu beliau turut dilantik dengan pelbagai tugas selepas berhijrah ke Kaherah. Antara tugas beliau ialah sebagai Panel Penilai bagi *Maqari' al-Misriyyah* pada tahun 1957, Wakil Rasmi *al-Maqari' al-Misriyyah* tahun 1958, Panel Penyemak dan Penilai Mushaf tahun 1959, *Shaykh Umum al-Maqari' al-Misriyyah* tahun 1960 dan Penasihat Instistusi al-Quran di Kementerian Waqaf tahun 1961 (al-Buluk 2011).

Beliau banyak mengarang kitab berkaitan al-Quran seperti *al-Sabil al-Muyassar fi Qira'at Imam Ja'far, Ahkam Qira'ah al-Quran, al-Qira'at al-'Ashar, Ma'alim al-Ihtida' ila Ma'rifah al-Waqf wa al-Ibtida'* dan lain-lain. Beliau juga selalu bermusafir ke pelbagai negara, antaranya Paris, London, Perancis, Amerika, Lubnan, Syria, Palestin, Saudi, Malaysia, Indonesia, Nigeria, Pakistan lain-lain. Beliau meninggal dunia pada hari Isnin 24 November 1980 selepas menunaikan solat 'Isya (Wan Hilmi 2014).

Shaykh Muhammad Rif'at

Beliau ialah Muhammad Rif'at, lahir pada tahun 1880M (Mahmud Tawfiq 2011). Menurut al-Qadi (1997) pula, beliau lahir pada hari Isnin 9 Mei 1882M. Shaykh Muhammad Rif'at merupakan qari rasmi di masjid Fadhil Basha yang dilantik oleh pemerintah. Beliau ialah qari pertama yang membacakan al-Quran di majlis perasmian siaran *Ida'ah al-Misriyyah* pada tahun 1934 (Mahmud Tawfiq 2013).

Shaykh Muhammad Rif'at telah mempelajari ilmu Tafsir, ilmu *al-Qira'at* dan ilmu Tajwid melalui Shaykh Muhammad al-Baghdadi dan Shaykh al-Samaluthi. Kemudian beliau belajar ilmu *Usul al-Musiqi* dengan menghafal beratus-ratus tausiyah dan qasidah keagamaan. Beliau telah menyempurnakan hafalan al-Quran pada ketika usia belum memasuki 10 tahun (al-Buluk 1996). Menurut Fahmi (1994) pula, beliau mempelajari dan menghabiskan pengajian ilmu *al-Qira'at Saba'* melalui Shaykh 'Abd al-Fattah Hunaydi.

Shaykh Muhammad Rif'at juga turut mempelajari ilmu *Usul al-Musiqi* dan kaedah-kaedahnya dengan pakar-pakar lagu sezaman dengannya dan menghafaz berpuluh-puluh bait lagu dan tausiyah serta bermain dengan alat permainan gabus (Fahmi 1994). Shaykh Muhammad Rif'at telah diundang secara rasmi ke beberapa buah negara Arab dan negara Islam yang lain bagi menyertai serta menghidupkan program-program seperti *hafalat* dan majlis-majlis keagamaan Beliau meninggal dunia pada hari Isnin 9 Mei 1950 (al-Qadi 1997).

Shaykh Muhammad Shahat Anwar

Beliau ialah Shaykh Shahat Muhammad Anwar, lahir pada 1 Julai 1959 di sebuah kampung yang bernama Kafzu Wazir, Markaz Mit Ghazal, Muhafazah Daqoliah, Mesir. Beliau merupakan seorang qari yang bertugas di masjid Imam al-Rifa'ie (Wan Hilmi 2018). Shaykh Shahat memiliki bilangan ahli keluarga yang sedikit. Selepas tiga bulan dari kelahiran,

bapanya telah meninggal dunia, lalu jadilah beliau seorang anak yatim yang mengharungi hidup serba kekurangan. Ibunya telah memberikannya kasih sayang dan menghantarnya ke rumah datuk beliau bertujuan merasai kehidupan berkeluarga bersama-sama teman-teman saudaranya yang lain.

Dalam keluarga bapa saudara, beliau telah membesar serta mendapat pendidikan melalui hafalan al-Quran dan berjaya menamatkan hafalan pada usia lapan tahun. Melalui bimbingan dari bapa saudara iaitu Syeikh Hilmi Muhammad Mustafa, beliau dapat melakukan ulangan hafalan lebih daripada sekali.

Setelah usia mencecah 10 tahun, Syeikh Syahat dihantar pula ke sebuah kampung di Kafrul Miqdam yang bertujuan bagi mendalami dan mempelajari ilmu Tajwid bersama Shaykh Ali Sayyid Ahmad (al-Farariji). Beliau adalah orang pertama yang memberikan perhatian dan prihatin dalam tugas mendidik dan membimbingnya. Shaykh Ali telah melihat bahawa Shaykh Syahat memiliki keistimewaan yang tersendiri yang boleh diberi tunjuk ajar untuk menjadi seorang qari terkenal di bumi Mesir serta dunia (Wan Hilmi 2018).

Tarikh 16 Disember 1979 merupakan detik bersejarah bagi Shaykh Syahat kerana rakaman suaranya berkumandang di saluran radio *Iza'ah al-Quran* di Mesir pada siaran di waktu fajar subuh. Bermula detik tersebut, Shaykh Syahat mula terkenal di Mesir. Penglibatan Syeikh Muhammad Syahat dalam dunia tilawah sangat besar sumbangannya. Beliau telah melawati kebanyakan negara seperti Britain, Amerika, Sepanyol, Argentina, Perancis, Brazil, Nigeria, Maldives, Cameron, Iran dan lain-lain lagi (Wan Hilmi 2018).

Shaykh 'Abdul Basit

Beliau ialah 'Abd al-Basit Muhammad Abd al-Samad, lahir pada tahun 1927M di kampung *al-Mara'izah* yang terletak di *Markaz Armant, al-Daffah al-Gharbiyyah*, berdekatan dengan sungai Nil. *Markaz Armant* tersebut terletak kira-kira 20 kilometer dari selatan bandar al-Aqsar al-Shahirah dalam anggaran 691 kilometer dari bandar Kaherah (Hamimi 2009). Shaykh 'Abd al-Basit merupakan anak ketiga dari empat orang adik-beradik iaitu Mahmud (anak sulung), 'Abd al-Hamid, 'Abd al-Basit dan 'Abd al-Mun'im (anak bongsu) (al-Qadi 1997).

Shaykh 'Abd al-Basit mendapat pendidikan awal tahun 1934 di *kuttab* Shaykh al-'Amir, kampung *Armant al-Waburat* dan menamatkan hafalan keseluruhan al-Quran bersama Shaykh al-'Amir pada usia 10 tahun pada tahun 1937M (Hamimi 2009). Beliau kemudian meneruskan pengajian bersama Shaykh Muhammad bin Salim Hamadah, seorang guru al-Quran dan *al-Qira'at* yang berasal dari *Markaz al-Minsyah Muhafazah Suhaj*. Sepanjang tiga tahun berguru dengan Shaykh Muhammad Salim Hamadah al-Minshawi, iaitu murid kepada seorang yang alim qiraat terkenal di al-Azhar Shaykh Muhammad Su'udi Ibrahim, maka pada tahun 1940 dalam usia 13 tahun Shaykh 'Abd al-Basit telah berjaya memperoleh ijazah *al-Qira'at al-Saba'*. Beliau juga turut memberi perhatian kepada ilmu *al-Shari'ah* dan *al-Lughah 'Arabiyyah*, selain turut menghafaz *Matan Shatibiyyah* serta beberapa kitab yang lain seperti kitab *al-'Iqd al-Farid* (Hamimi 2009).

Shaykh 'Abd al-Basit menziarahi luar negara lebih daripada 100 kali. Di tangan beliau, telah berjaya mengislamkan seramai 92 orang di negara Uganda dan 30 orang di Amerika semasa lawatan pertama kalinya ke sana kira-kira pada tahun 70 an (Hamimi 2009). Shaykh

‘Abd al-Basit dianugerahkan dengan pelbagai pingat kebesaran sepanjang penglibatannya dalam bidang tilawah. Beliau meninggal dunia pada 30 November 1988 (al-Qadi 1997).

Shaykh Muhammad Sadiq al-Minshawi

Beliau ialah Muhammad Sadiq al-Minshawi, lahir pada tanggal 20 Januari 1920 di Manshah, muhafazah Suhaj. Bapa beliau, Shaykh Sadiq al-Minshawi merupakan qari terkenal yang seangkatan dengan qari-qari besar yang lain seperti Shaykh Ahmad Nada, Mansur Badar, Ali Mahmud, Muhammad Rif’at, Abd al-Fattah al-Sha’sha’ie dan selain mereka (al-Buluk 2011).

Shaykh Sadiq al-Minshawi mula menghafaz al-Quran di Manshah pada usia kanak-kanak lagi dan menamatkan hafalan keseluruhan al-Quran pada usia 11 tahun melalui guru bernama Shaykh Muhammad al-Namki. Beliau kemudian meneruskan belajar ilmu Tajwid dan ilmu Qira’at bersama dua orang guru hebat iaitu Shaykh Muhammad Abu al-‘Ala dan Shaykh Muhammad Su’udi (Ahmad al-Buluk 2011). Selain itu turut mendalami ilmu al-Inshad (qasidah nasyid) daripada bapanya sendiri, Shaykh Sadiq yang merupakan ahli nasyid qasidah yang tersohor (Nabil Hanafi 2011).

Beliau merupakan salah seorang daripada 120 qari yang dipilih oleh Lujnah Penapisan yang dianggotai oleh pelbagai Agensi, Jabatan dan Institusi sebagai qari bagi Pusat *Iza’ah* (Pusat Penyiaran Rasmi). Termasuk *qurra’* yang lain seperti Shaykh Mahmud Khalil al-Husari, Mahmud Ali al-Banna, Mansur Shami al-Damanhuri, Abd al-Rahman al-Duri, Mahmud Abd al-Hakam, Mustafa Isma’il, Abd al-Basit, Taha al-Fashni dan lain-lain. Antara panel pula terdiri daripada Shaykh Mahmud Syaltut, Shaykh Abd al-Fattah al-Qadhi, Shaykh Muhammad al-Thabba’ dan lain-lain lagi Keistimewaan yang ada pada *qurra’* yang terpilih ialah selain menepati dengan hukum tajwid dan *usul riwayat*, juga memiliki suara yang sedap dan menarik (Nabil Hanafi 2011).

Tilawah pertama oleh Shaykh Muhammad Sadiq al-Minshawi ialah dalam siaran *al-Iza’ah* pada 13 Jun 1954 dengan bacaan dari surah-surah pendek. Kemudian tilawah berikutnya adalah pada 30 Jun 1954, waktu petang hari Sabtu. Semenjak penampilan itu, suara beliau mulai kedengaran di *Iza’ah* yang bersiaran pada setiap hari Rabu.

Menurut Nabil Hanafi (2011), kelebihan suara yang dimiliki oleh Shaykh Muhammad Sadiq al-Minshawi ialah terdapat unsur-unsur kekuatan, kelunakan dan penghayatan. Beliau juga mahir dalam disiplin ilmu tarannum seperti *tabaqah* suara iaitu *qararat* dan *jawabat*, selain mahir dalam teknik nada menaik dan menurun menurut kesesuaian makna ayat.

Sumbangan besar Shaykh Muhammad Sadiq al-Minshawi ialah meninggalkan himpunan *turath* rakaman berlagu (*mujawwad*) dan *tartil* (*murattal*). Beliau turut dianugerah dengan pingat kebesaran dari pelbagai negara. Dalam aspek dakwah al-Quran, beliau telah menjelajah ke banyak negara Islam yang lain seperti Syria, Malaysia dan Indonesia Beliau meninggal dunia pada malam Sabtu 21 Jun 1969 di usia yang masih muda iaitu 49 tahun (Shukri al-Qadhi 1997).

Pengertian Aliran Madrasah Tilawah

Maksud *madrasah tilawah* ialah suatu aliran seni bacaan tarannum yang diamalkan oleh tokoh-tokoh qari besar dan ternama. Antara tokoh-tokoh itu seperti Shaykh Mustafa Isma’il,

Shaykh Mahmud Khalil al-Husari, Shaykh Muhammad Rif'at, Shaykh Shahat Anwar, Shaykh 'Abdul Basit, Shaykh Raghīb Mustafa Ghalwash, Shaykh Dr. Ahmad Nu'ina, Shaykh Abdul Aziz Hasson, Shaykh Sayyid Mutawwali, Shaykh Muhammad Sadiq al-Minshawi.

Secara umum, aliran *madrasah tilawah* ini dapat dikenal pasti semenjak munculnya para qari di Mesir pada abad ke-19. Qari yang terawal yang dianggap memiliki *madrasah tilawah* adalah Shaykh Muhammad Rif'at yang lahir pada tahun 1880 dan meninggal tahun 1950. Pada waktu itu suara beliau adalah satu-satunya suara yang bergema di bumi Mesir dengan membawa kelainan dalam unsur seni tilawahnya (al-Shafi 2014: 8).

Aliran *madrasah tilawah* ini telah bermula di negara Mesir dan terkenal pada zaman tokoh-tokoh qari besar seperti Shaykh Mustafa Isma'il, Shaykh Mahmud Khalil al-Husari, Shaykh Muhammad Rif'at dan lain-lain (al-Shafi 2014: 7). Qari yang telah mempelopori aliran *madrasah tilawah* ini adalah Shaykh Muhammad Rif'at yang berpusat di wilayah Kaherah di kawasan Dar al-Ahmad di masjid yang dikenali dengan 'masjid Fadhil Basha' atau 'masjid al-Rif'at' (Hanafi 2014: 16).

Masjid tersebut masih lagi dihidupkan dengan keindahan lantunan suara yang mirip kepada Shaykh Muhammad Rif'at oleh seorang qari baru yang berasal daripada Indonesia yang belajar di Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir. Kewujudan aliran *madrasah tilawah* ini adalah sangat besar dan mempunyai bilangan tokoh-tokoh yang ramai. Ia lahir daripada sebuah negara yang amat menitik beratkan dan memberikan komitmen tinggi dalam aspek tilawah al-Quran. Kemunculan aliran-aliran *madrasah tilawah* ini adalah disebabkan oleh minat dan keperluan terhadap bidang tilawah al-Quran sehingga mencorak kepelbagaian ragam seni tilawah yang disebut sebagai '*uslub*' atau '*tariq*' (jalan bacaan) dalam konteks ilmu tarannum.

Aliran ini wujud disebabkan oleh ramainya tokoh-tokoh qari dan mereka memiliki keilmuan dan kepakaran luar biasa seperti Shaykh Muhammad Rif'at yang terkenal dengan '*amir al-muqri'in*', Shaykh Mustafa Isma'il yang terkenal dengan '*imam al-qurra*', Shaykh Mahmud Khalil yang terkenal dengan '*fannan al-tajwid*' dan Shaykh 'Abd al-Basit terkenal dengan '*mubdi' al-qira'ah*' (Fahmi 1994). Tokoh-tokoh tersebut juga sangat alim dalam bidang tajwid, qira'at, *maqamat* (tarannum) serta memiliki kemerduan suara yang membolehkan mereka mengubah sesuatu bacaan dengan indah dan menarik.

Kewujudan aliran-aliran *madrasah tilawah* ini bertujuan menonjolkan kemahiran seni dalam bertarannum yang digubah dan dipersembahkan oleh para qari. Kemudian ia diikuti pula oleh generasi selepasnya dengan menambah atau mengolah yang bersesuaian dengan kemampuan suara mereka. Contoh bacaan adalah seperti tilawah oleh Shaykh Muhammad Rif'at telah disambung oleh shaykh Mustafa Isma'il, namun telah diolah serta disesuaikan mengikut cita rasa dan keserasian antara suara dan kemampuan, malah Shaykh Mustafa Isma'il telah membuat penambahbaikan serta mengemaskini kembali arah dan hala tuju bacaan menjadi lebih jelas tidak sebagaimana Shaykh Muhammad Rif'at yang kadang kala pada *waqfah* (perhentian) bacaan yang tidak disangka-sangka.

Keistimewaan dan Kekuatan *Madrasah Tilawah Misri*

Para pakar suara mahupun ahli lagu telah memberikan banyak pandangan terhadap para qari terutama dalam aspek aliran *madrasah tilawah*. Dalam sebuah akhbar tempatan Mesir

menyebutkan tentang hal ini bahawa para *qurra'* Mesir bersendirian dalam kaedah dan cara pelaksanaan seni tilawah. Menurut Shaykh Ali Juma'ah (2011) dalam laporan akhbar *al-Ahram* telah menyatakan bahawa *madrasah tilawah* para qari Mesir mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan berbeza dari yang lain atas empat faktor utama iaitu mempunyai kelunakan suara, keyakinan tinggi dalam persembahan, hafalan yang sempurna dan pembelajaran tajwid yang terperinci.

Aliran *madrasah tilawah* di Mesir juga mempamerkan keistimewaan dan kekuatan yang tersendiri dari aspek persembahan dan penyampaian khususnya dalam aspek tajwid kerana ia terbentuk melalui hubungan yang sangat kuat dengan elemen lagu dan nada suara yang baik. Hal ini diakui oleh Shaykh Dr. Ahmad Nui'na apabila beliau menegaskan bahawa *tariqah* (jalan) para qari Mesir adalah bersendirian dalam aspek suara dan *ada'* (persembahan). Menurut Shaykh Sayyid Sa'id pula, *madrasah tilawah* Mesir adalah berasingan dan sangat berbeza dengan *madrasah tilawah* yang lain terutama hal yang berkaitan dengan tajwid dalam seni tilawah (akhbar *alBawabbhnews* 2015).

Madrasah tilawah Mesir juga memiliki suara-suara para qari yang mempunyai kepelbagaian gelaran yang dinisbahkan kepada mereka. Menurut Shaykh Yasir Shurqawi, *madrasah tilawah Misri* terkenal dengan gelaran-gelaran yang diberikan kepada para qari kerana keilmuan dan kemahiran luar biasa mereka seperti '*qari al-mulk*', '*qitharah al-sama*' dan lain-lain (akhbar *alBawabbhnews* 2015).

Madrasah tilawah Misri juga adalah menjadi pelopor kepada proses pembelajaran al-Quran terutama berkaitan dengan seni tarannum. Sebuah dokumentasi yang diterbitkan oleh *channelqanatu al-Nas* dalam segmen *Islamuna bi al-Misri* telah memaparkan satu rancangan berkaitan tilawah al-Quran di mana seorang panel jemputan, Dr. 'Amru yang merupakan salah seorang ahli fatwa Mesir telah menceritakan tentang *madrasah tilawah Misri* sebagai pelopor kepada pembelajaran al-Quran yang terawal di dunia (*Qanatu al-Nas*: 2016).

Madrasah tilawah Misri juga turut berbeza dan memiliki kelainan dengan madrasah yang lain yang antaranya ialah penelitian mendalam dalam bab hukum tajwid yang termasuk memelihara kadar *mad* dan *ghunnah*, menjaga makhraj dan sifat huruf dan menunaikan haq dan kewajiban setiap huruf dan kalimah dengan betul dan sempurna. Para qari Mesir juga memiliki kelainan lain seperti kebolehan untuk berlagu, mengetahui disiplin ilmu *maqamat* seni lagu, menunjukkan gambaran bacaan melalui alunan dan nada suara sehingga telinga merasai dengan keindahan dan kesenian bacaan al-Quran tersebut (Alkawthartv: 2017).

Sandaran Aliran Madrasah Tilawah dan kepada Tokoh-tokoh Qari Ternama

Tokoh-tokoh qari Mesir memiliki keupayaan dan kemahiran yang sangat tinggi dalam konteks bacaan tarannum sehingga mampu membentuk satu aliran seni bacaan dalam tilawah (Mahmud al-Sa'dani 1996). Aliran seni bacaan inilah yang disebut sebagai madrasah tilawah oleh kalangan qari di Mesir di mana mereka mengasaskan suatu kaedah atau teori atau metode terhadap bacaan sehingga dicontohi dan diikuti oleh qari-qari yang lain pula. Dalam hal ini, para qari berbeza cara dan kaedah penyampaian tarannum sesuai dengan kemampuan dan kebolehan suara yang dianugerahkan oleh Allah SWT.

Dalam ulasan kitab-kitab yang membincangkan tentang *madrasah tilawah* telah jelas menukilkan bahawa qari-qari Mesir memiliki *madrasah tilawah* mereka yang tersendiri. Ini bermaksud bahawa para qari membawakan ‘jalan-jalan’ bacaan tarannum mengikut acuan atau karakter atau paten tersendiri tanpa meniru dari mana-mana gaya atau rentak oleh qari lain. Rentak atau paten ini disebut sebagai ‘*uslub al-khas*’ (Mahmud al-Sa’dani 1996) atau ‘*madrasah tilawah*’ oleh kalangan para qari dan pakar suara. Berikut adalah pandangan-pandangan para qari dan pakar suara tentang para qari yang memiliki ‘*madrasah tilawah*’ mereka yang tersendiri’ dalam beberapa kitab utama seperti *Alhan al-Sama*’ oleh Mahmud al-Sadani (1996), Shukri al-Qadhi, *Abaqirah al-Tilawah fi al-Qarn al-Ishrin* (1997) dan Nabil Hanafi, *Nujum al-‘Asr al-Dhahbi li Dawlah al-Tilawah* (2011).

Shaykh Mustafa Isma’il

Menurut al-Sa’dani (1996), Shaykh Mustafa Isma’il adalah pemegang ‘*madrasah tilawah*’ terbesar di antara banyak *madrasah* yang wujud. Beliau amat berkemahiran dalam aspek berlagu dan seni alunan sehingga tiada sesiapa pun yang mampu melakukan seperti nya. Beliau sangat bijak bermain dengan huruf dan kalimah dalam pembacaan tarannum.

Menurut al-Sa’dani (1996:127), qari-qari yang ‘*taqlid*’ atau mengikut seni bacaan Shaykh Mustafa Isma’il seperti Shaykh Fathi Hassan al-Maliji dan Shaykh Dr. Ahmad Nui’na.

Menurut Sa’id Ibrahim Hasan (2012: 117-118), antara kalangan qari yang lahir daripada *madrasah* Shaykh Mustafa Isma’il ialah Shaykh Raghīb Mustafa Ghalwash. Beliau kemudian berbeza sedikit selepas itu dengan Shaykh Mustafa hingga menjadi diri sendiri dalam persembahan.

Menurut Sa’id Ibrahim Hasan (2012: 129), tilawah Shaykh Dr. Ahmad Nu’ina adalah terkesan dengan gaya bacaan Shaykh Mustafa Isma’il dan beliau salah seorang daripada yang lahir daripada ‘*madrasah*’ tersebut.

Menurut Muhammad Ridhwan, beberapa pandangan dari pakar seni al-Quran menukilkan bahawa Shaykh Mustafa Isma’il memiliki ‘*Madrasah Jadidah*’ dalam *uslub* tilawah dan cara penyampaian. Hubungkait bacaan berlagu pada suara Shaykh Mustafa Isma’il adalah secara individual dengan berpaksikan makna dan gambaran ayat (al-Shafi, Muhammad 2014: 38).

Menurut al-Najmi (1992: 44) Shaykh Mustafa Isma’il memiliki ‘*madrasah khassah*’ yang menjadikan para qari Mesir dan dunia Islam mengikuti ‘*taqlid*’ dengan cara *manhaj* beliau dalam bacaan.

Shaykh Muhammad Rif’at

Menurut al-Sa’dani (1996) antara qari yang ‘*taqlid*’ atau meniru bacaan Shaykh Muhammad Rifa’t ialah Shaykh Abu al-‘Ainin Sha’isha’.

Menurut al-Sa’dani (1996: 125), Shaykh Dr. Ahmad Nu’na adalah salah seorang dari qari yang ‘*taqlid*’ atau mengikuti ‘*madrasah tilawah*’ Shaykh Mustafa Isma’il.

Menurut Hanafi (2014), Shaykh Muhammad Rif’at secara berseorangan amat berbeza dengan qari-qari yang lain. Beliau mempunyai dua keistimewaan dan kelebihan utama dalam

seni bacaan iaitu suaranya yang mencapai lapan belas *maqam* dan tadabur makna apabila membaca.

Shaykh ‘Abd al-Basit

Menurut al-Sa’dani (1996: 76), Shaykh ‘Abd al-Basit memiliki *uslub al-qira’ah* (gaya bacaan) yang tidak meniru mana-mana qari yang lain tetapi beliau mempunyai kelainan yang baru.

Menurut al-Sa’dani (1996:127), qari-qari yang ‘*taqlid*’ atau mengikuti bacaan Shaykh ‘Abd al-Basit seperti Shaykh Muhammad al-Buhayri.

Menurut Hanafi (2011), suara Shaykh ‘Abd al-Basit adalah berbeza, manakala cara persembahannya memiliki cara tersendiri.

Menurut Muhammad Shalbi, Shaykh ‘Abd al-Basit memiliki ‘*madrasah faridah*’ (*madrasah* tersendiri) dalam seni bacaan yang menghimpunkan elemen *quwwah* (kekuatan), *jamal* (kecantikan) dan *khushu’* (khusyuk) dalam bacaan (al-Shafi, Muhammad 2014: 64).

Shaykh Mahmud Khalil al-Husari

Menurut al-Sa’dani (1996: 77), Shaykh Mahmud Khalil al-Husari memiliki ‘*tariqah khasah*’ (jalan khas) dan ‘*mutamayyizah*’ (terbaik). Menurut Hanafi (2011) bahawa tidak syak lagi Shaykh Mahmud Khalil al-Husari adalah pengasas ‘*madrasah* Shaykh al-Husari’ di mana suara beliau dikategorikan sebagai jenis ‘bariton’ daripada jenis kumpulan lelaki.

Shaykh Mahmud Khalil al-Husari memiliki pengikut dan peminat yang ramai khususnya dalam seni bacaan beliau yang ditiru oleh kebanyakan pembaca terutama dalam bacaan tartil.

Shaykh Muhammad Sadiq al-Minshawi

Menurut al-Sa’dani (1996:127), terdapat sekurangnya sepuluh qari yang ‘*taqlid*’ atau mengikuti cara dan gaya bacaan Shaykh Muhammad Sadiq al-Minshawi, antara yang masyhur ialah Shaykh Solah Syamsuddin dan Shaykh Mahmud Abu al-Wafa al-So’id.

Menurut Sa’id Ibrahim Hasan (2012: 28), Shaykh Muhammad Sadiq al-Minshawi dianggap sebagai pengasas aliran *al-Madrasah al-Minshawiyyah* dan melahirkan qari-qari yang mengikuti ‘*uslub al-qiraah*’ beliau seperti Shaykh Muhammad dan Shaykh Mahmud yang merupakan anak kepada beliau sendiri.

Menurut Muhammad al-Shafi’i, Shaykh Muhammad Sadiq al-Minshawi memiliki ‘*tariqah jadidah*’ dalam seni tilawah al-Quran, yang menghimpunkan antara *halawah* (kemanisan) dan *ada*’ (penyampaian) yang baik, dan *khushu’* (khusyuk) dalam bacaan.

Shaykh Shahat Muhammad Anwar

Menurut Sa’id Ibrahim Hasan (2012: 125) Shaykh Shahat Anwar memiliki ‘*ada*’ *faridah*’ (cara bacaan tersendiri) dalam bacaan berlagu. Beliau tidak meniru gaya bacaan daripada mana-mana qari. Beliau adalah *Sahib Madrasah Quraniyyah Faridah Mustaqillah* (pengasas *madrasah tilawah* tersendiri dan tunggal) dan bacaannya diikuti oleh ramai pelapis qari.

Antara qari-qari yang lahir dari ‘*madrasah* Shaykh Shahat Anwar’ adalah seperti Shaykh Nasir al-Ziat, Shaykh Sya‘ban al-Hadad, Shaykh Abdul Latif, Shaykh Hadan al-Sunbulawin, Shaykh Mahmud Badran di Syarqiyyah, Shaykh Isma‘il al-Tantawi al-Mansur, Shaykh Muhammad al-Marihi di Hadaik al-Qubba dan seorang peguam iaitu al-Ustaz ‘Alaw Din Ahmad Ali di Syubra Khemah (Wan Hilmi 2018).

Rumusan daripada pandangan-pandangan dari pakar suara dan para qari menjelaskan bahawa tokoh-tokoh qari Mesir memiliki *madrasah tilawah* atau *uslub qira’ah* yang tersendiri dan ‘jalan bacaan’ yang khusus bagi mereka. Kewujudan madrasah-madrasah tilawah tersebut lahir daripada keilmuan dan kemahiran serta kepakaran yang mendalam dalam penguasaan ilmu al-Quran merangkumi bidang utama.

Kesimpulan

Hasil perbincangan dalam artikel ini merumuskan bahawa qari-qari Mesir memiliki *madrasah* yang tersendiri dalam seni tarannum. Perbezaan gaya persembahan dan corak penyampaian tilawah kerana kemampuan dan pengetahuan qari masing-masing terutama dalam aspek teknik suara dan *tabaqah* suara. *Madrasah tilawah* tersebut merupakan keistimewaan dan kelebihan bagi dunia tilawah di Mesir dan sangat berbeza dengan *madrasah* yang lain.

Rujukan

- al-Buluk, Ahmad. 2011. *Ashhar Man Qara’ al-Quran fi al-‘Asr al-Hadith. Silsilah Thaqafah Shahriyyah Iqra’*. al-Qahirah: Dar al-Ma‘arif.
- Fahmi, Faruq. 1994. Qahirah: *Sufara’ al-Qurra’*. Misr: Sharikat al-I‘lanat al-Sharqiyyah.
- Hamimi, Zakariya. 2009. *Sawt Min al-Sama’*, *al-Shaykh ‘Abd al-Basit Abdul Samad*. al-Qahirah: Hibah al-Nil al-Arabiyyah.
- Hanafi, Nabil. 2011. *Nujum al-‘Asr al-Dhahbi li Dawlah al-Tilawah*. Kitab al-Yawm. al-Qahirah: Dar al-Akhbar al-Yawm.
- Hasan, Sa‘id Ibrahim. 2012. *Aswat Samawiyyah*. Desuq: Dar al-‘Ilm wa al-Iman li al-Nashr wa al-Tawzi’.
<http://www.ahram.org.eg/archive/Religious-thought/News/94091.aspx>
<http://www.alkawthartv.com/news/67629>.
<https://www.albawabhnews.com/1454083>.
<https://www.albawabhnews.com/1454083>.
<https://www.youtube.com/watch?v=7ukoCjLkiRA>. (*Qanatu al-Nas*: 2016)
- al-Khawli, Mahmud. 1992. *Aswat min Nur*. Misr: Dar al-Syabab.
- Mahmud Tawfiq al-Kawli. 2013. *Qitharah al-Sama’*. Kaherah: al-Hay‘ah al-Misriyyah al-‘Ammah li al-Kitab.
- al-Najmi, Kamal. 1992. *Syeikh Mustafa Isma‘il Hayatuhu fi Zil al-Quran*. al-Qahirah: Dar al-Hilal.
- al-Qadi, Shukri. 1997. *‘Abaqirah al-Tilawah fi al-Qarn al-‘Isyrin*. al-Qahirah: Dar al-Jumhuriyyah.
- al-Sa’dani, Mahmud. 1996. *Alhan al-Sama’*. al-Qahirah: Akhbar al-Yawm.
- al-Shafi, Muhammad. 2014. *Dawlah al-Tilawah, Aswat min al-Sama’*. al-Qahirah: Dar al-Hilal.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2014. Pengaruh Tarannum Qari-qari Mesir Terhadap Qari-qari di Malaysia. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2018. *Fannu Tilawah al-Quran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.